

**UCAPAN ALU-ALUAN**  
**Majlis NexG Food Box Distribution & Tree Planting 2025**  
**Perumahan Awam Seri Perlis 2**  
**21 Jun 2025**

---

**En Latiff bin Abu Hassan**  
**Pengerusi**  
**Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga Progresif Perumahan**  
**Awam Seri Perlis 2 Kuala Lumpur**

**Para ahli Jawatankuasa KRT Perumahan Awam Seri Perlis 2**

**Wakil dan petugas dari Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam**  
**Wilayah Persekutuan dan KPJ Damansara**

**Komuniti Penduduk Perumahan Awam Seri Perlis 2**

**Rakan-rakan Kumpulan Syarikat NexG**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun di pagi yang indah ini, untuk sama-sama menjayakan **NexG Food Box Distribution & Tree Planting 2025** di Perumahan Awam Seri Perlis 2.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada wakil Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dan penduduk Perumahan Awam Seri Perlis 2, atas sambutan yang hangat dan kerjasama yang luar biasa. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada sukarelawan daripada warga kerja NexG Berhad yang sudi memanfaatkan masa dan tenaga mereka pada hujung minggu ini untuk menjayakan program Tanggungjawab Sosial Syarikat ini.

Hadirin sekalian,

3. Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan NexG terhadap kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar, program hari ini merangkumi tiga komponen utama yang menyentuh aspek kemasyarakatan dan alam sekitar.

4. Pertama, kami akan menyerahkan sebanyak 300 kotak makanan kepada keluarga yang memerlukan di kawasan perumahan ini. Semoga sumbangan kecil ini dapat membawa senyuman, meringankan beban, dan menjadi tanda bahawa mereka tidak pernah dilupakan.
5. Kedua, satu usaha simbolik tetapi sangat bermakna, iaitu penanaman 100 anak pokok oleh para sukarelawan NexG Berhad di tapak yang telah ditetapkan di kawasan perumahan ini. Saya difahamkan selain daripada pokok-pokok hiasan, terdapat juga anak-anak pokok limau yang bakal ditanam untuk dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Pokok-pokok ini bukan sahaja memperindah persekitaran, malah mencerminkan harapan kita untuk masa depan yang lebih hijau, segar dan lestari.
6. Seterusnya yang ketiga, bersempena dengan program pada hari ini, kami turut akan menganjurkan pertandingan mewarna untuk kanak-kanak sebentar lagi, pemeriksaan kesihatan oleh pihak KPJ, serta kaunter nasihat zakat oleh Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ini adalah antara cara kami untuk mendekati masyarakat dengan lebih mesra, menyebarkan kesedaran dan membantu membina komuniti yang lebih sejahtera dari sudut fizikal dan spiritual.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

7. Lebih daripada sekadar satu program amal, inisiatif ini adalah satu permulaan bagi kami di NexG Berhad. Permulaan kepada budaya prihatin yang lebih meluas. Permulaan kepada hubungan yang lebih erat antara syarikat korporat dan komuniti. Dan permulaan kepada lebih banyak program impak sosial yang mampan di masa hadapan.
8. Harapan kami cukup jelas dan tulus. Kami ingin melihat setiap tindakan kecil yang kita lakukan hari ini menjadi inspirasi kepada perubahan yang lebih besar esok hari. Mungkin hari ini kita hanya menyumbang satu kotak makanan, menanam satu anak pokok, atau membantu seorang anak kecil mewarna. Tetapi kesan jangka panjangnya, insya-Allah, adalah lebih daripada yang kita jangkakan.
9. Kami juga berharap agar program ini mampu menjadi platform untuk menyemai nilai-nilai seperti kasih sayang, empati,

perpaduan dan tanggungjawab bersama , bukan sahaja dalam kalangan warga kerja NexG, tetapi juga dalam komuniti yang kami kunjungi. Semoga dengan jalinan ukhuwah seperti ini, kita dapat membina masyarakat yang lebih harmoni, saling menyokong, dan prihatin terhadap antara satu sama lain.

10. Akhir kata, saya mewakili pihak pengurusan NexG, ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program ini, secara langsung maupun di belakang tabir. Terima kasih kerana terus mempercayai visi dan misi kami dalam memacu impak sosial yang lebih bermakna dan mampan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.